



Kluang: Atlet lontar peluru kebangsaan, Nani Sahirah Maryata, dari Universiti Putra Malaysia (UPM) belum berpuas hati dengan kualiti lontarannya meskipun berjaya meraih pingat emas pada Kejohanan Varsity Track & Field 2024 (Siri 2) Stadium Kluang, semalam.

Atlet kelahiran Kuantan itu mencatat lontaran sejauh 14.33 meter menewaskan rakan sepasukan, Nurul Ainin Syauqina Mohd Nor dengan lontaran 12.98 meter untuk pingat perak.

Tempat ketiga milik Nor-dini Shahira Abdullah me-

Nani Sahirah belum puas



NANI Sahirah (tengah) raih emas dalam acara lontar peluru .

wakili Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan lontaran sejauh 11.02 meter.

Nani Sahi-

rah berkata, catatan itu kerana tidak menghampiri rekod terbaik dirinya iaitu sejauh 15.01 meter dan rekod peribadi yang tidak diiktiraf World Athletic iaitu 15.22 meter.

“Rekod terbaik diri iaitu 15.01 meter dicatat pada Terbuka Taiwan pada Mei tahun lalu. Selepas ini saya akan sertai

Sukan Universiti Asean (AUG) ke-21 di Surabaya-Malang Indonesia 2024 dan Terbuka Malaysia di Pahang sebelum

Aidiladha nanti.

“Ketika ini kekuatan fizikal sudah ada kerana saya sertai empat kejohanan berturut turut namun kurang masa untuk latihan. Oleh kerana banyak fokus pada kejohanan, saya masih perlu perbaiki teknik supaya gaya pusingan dan ketepatan lontaran peluru lebih lancar.

“Untuk itu saya menjalani latihan angkat berat secara cepat. Daya eksplosif sudah ada cuma kena imbangkan dengan teknik tadi,” katanya.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan itu berkata, beliau berhasrat untuk memecahkan rekod peribadi terbaik di Sukan Sea dan AUG nanti.

“Saya nak pecahkan rekod peribadi terbaik dan pada masa sama, doakan saya menang pingat emas pada Sukan Sea nanti, terutama lawan dari Thailand dan Indonesia,” katanya.

Ini adalah pingat emas pertama dan pingat kedua Nani Sahirah dalam kejohanan itu.



NANI Sahirah.